



STATUS KUALITI UDARA SEBELUM DAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR

Negara telah melepasi Perintah Kawalan Pergerakan Fasa Ketiga iaitu dari 15 April 2020 hingga 28 April 2020 dan sedang menjalani PKP Fasa keempat sehingga 12 Mei 2020. Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah membuat pemantauan dan analisis perbandingan terhadap Indeks Pencemar Udara (IPU) sebelum dan sepanjang **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa pada 18 Mac hingga 28 April 2020**. Analisis IPU yang dijalankan daripada 1 Mac 2020 sehingga 28 April 2020 menunjukkan sebanyak **26% peningkatan IPU bagi bilangan hari 'bersih' dan penurunan 19% IPU bagi bilangan hari 'sederhana' di seluruh Malaysia** semenjak PKP ini dikuatkuasakan.

Graf 1 dan Graf 2 : Perbandingan Bacaan IPU Sebelum dan Semasa Pelaksanaan PKP Bagi Bilangan Hari Bersih dan Sederhana di Seluruh Malaysia



Peningkatan 26% IPU bagi bilangan hari 'bersih' di seluruh Malaysia




Penurunan 19% IPU bagi bilangan hari 'sederhana' di seluruh Malaysia

STATUS KUALITI UDARA SEBELUM DAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR


Analisis terperinci telah dijalankan ke atas beberapa parameter utama iaitu **nitrogen dioksida (NO₂)**, **sulfur dioksida (SO₂)**, **karbon monoksida (CO)** dan **habuk halus bersaiz diameter 2.5 mikron (PM_{2.5})** di beberapa stesen pengawasan kualiti udara di Lembah Klang iaitu di **Batu Muda (Kuala Lumpur)**, **Cheras (Kuala Lumpur)**, **Putrajaya**, **Putrajaya**, **Petaling Jaya**, **Shah Alam**, **Klang** dan **Banting** bagi tempoh 1 Mac hingga 28 April 2020. Tren bacaan pencemar udara iaitu NO₂, SO₂, CO dan PM_{2.5} di kawasan-kawasan tersebut didapati berlaku penurunan seperti yang ditunjukkan di dalam graf berikut:

Graf 3 : Perbandingan Bacaan Purata Kepekatan Harian SO₂ Sebelum dan Semasa Pelaksanaan PKP Bagi Stesen Terpilih di Lembah Klang



Terdapat penurunan 6% hingga 26 % bagi parameter SO₂ semasa PKP sedang berjalan


Graf 4 : Perbandingan Bacaan Purata Kepekatan Harian NO₂ Sebelum dan Semasa Pelaksanaan PKP Bagi Stesen Terpilih di Lembah Klang



Terdapat penurunan 49% hingga 68 % bagi parameter NO₂ semasa PKP sedang berjalan


STATUS KUALITI UDARA SEBELUM DAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR

Graf 5 : Perbandingan Bacaan Purata Kepekatan Harian CO Sebelum dan Semasa Pelaksanaan PKP Bagi Stesen Terpilih di Lembah Klang



Terdapat penurunan 21% hingga 48 % bagi parameter CO semasa PKP sedang berjalan

Graf 6 : Perbandingan Bacaan Purata Kepekatan Harian PM_{2.5} Sebelum dan Semasa Pelaksanaan PKP Bagi Stesen Terpilih di Lembah Klang



Terdapat penurunan 17% hingga 36 % bagi parameter PM_{2.5} semasa PKP sedang berjalan

Graf analisis pencemar udara SO₂, NO₂, CO dan PM_{2.5} di kawasan-kawasan tersebut menunjukkan bahawa terdapat:


- i) Penurunan 6% hingga 26% bagi SO₂;
- ii) Penurunan 49% hingga 68% bagi NO₂;
- iii) Penurunan 21% hingga 48% bagi CO; dan
- iv) Penurunan 17% hingga 36% bagi PM_{2.5}

Tren penurunan ini susulan dengan penurunan bilangan kenderaan motor di jalan raya dan aktiviti perindustrian sepanjang tempoh PKP.

STATUS KUALITI UDARA SEBELUM DAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR


Analisis kualiti udara turut dijalankan ke atas stesen pengawasan kualiti udara di bandar-bandar utama di seluruh Malaysia seperti di Pulau Pinang, Ipoh, Shah Alam, Kuantan, Seremban, Melaka, Pasir Gudang, Kuching dan Kota Kinabalu bagi tempoh yang sama seperti yang ditunjukkan di dalam graf berikut:

Graf 7 : Perbandingan Bacaan Purata Kepekatan Harian SO₂ Sebelum dan Semasa Pelaksanaan PKP Bagi Bandar-bandar Utama



Terdapat penurunan 2% hingga 48% bagi parameter SO₂ semasa PKP sedang berjalan


Graf 8 : Perbandingan Bacaan Purata Kepekatan Harian NO₂ Sebelum dan Semasa Pelaksanaan PKP Bagi Bandar-bandar Utama



Terdapat penurunan 43% hingga 63% bagi parameter NO₂ semasa PKP sedang berjalan


STATUS KUALITI UDARA SEBELUM DAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR

Graf 9: Perbandingan Bacaan Purata Kepekatan Harian CO Sebelum dan Semasa Pelaksanaan PKP Bagi Bandar-bandar Utama



Terdapat penurunan 1% hingga 27% bagi parameter CO semasa PKP sedang berjalan

Graf 10: Perbandingan Bacaan Purata Kepekatan Harian PM_{2.5} Sebelum dan Semasa Pelaksanaan PKP Bagi Bandar-bandar Utama



Terdapat penurunan 3% hingga 35% bagi parameter PM_{2.5} semasa PKP sedang berjalan

STATUS KUALITI UDARA SEBELUM DAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR

Daripada graf analisis yang ditunjukkan, adalah didapati terdapat **penurunan** bacaan parameter berikut iaitu:

- i) **SO₂ antara 2% hingga 48%;**
- ii) **NO₂ antara 43% hingga 63%;**
- iii) **CO antara 1% hingga 27%; dan**
- iv) **PM_{2.5} antara 3% hingga 35%.**

Kesimpulannya, langkah kerajaan melaksanakan PKP sehingga Fasa Ketiga ini bukan sahaja dapat menyekat penyebaran penyakit Covid-19 yang menunjukkan penurunan pada masa kini tetapi juga pencemaran udara terhadap alam sekitar juga turut menunjukkan tren penurunan disebabkan oleh pengurangan aktiviti atau punca yang menyebabkan pencemaran udara seperti pelepasan asap kenderaan, pelepasan asap cerobong industri dan pembakaran terbuka.